

## ANALISIS EKONOMI

### **Pertukaran Aliran Tunai Kewangan Kepada Aliran Tunai Ekonomi**

1. Prinsip penukaran Analisis Kewangan kepada Analisis Ekonomi ialah untuk menentukan kos dan faedah projek dari segi nilainya kepada masyarakat keseluruhannya. Terdapat tiga modifikasi penting dalam Analisis Kewangan iaitu:

- i. Menilai penggunaan sumber yang harganya tidak ditentukan di pasaran tetapi mempunyai nilai produktif benar, sebagai contoh bilangan isi rumah yang digunakan untuk melaksanakan kerja perladangan;
- ii. Bagi barangan komoditi dan perkhidmatan yang menjadi input dan output projek yang boleh dikenal pasti harga pasarnya, harga ini perlu disesuaikan untuk mencerminkan nilai sebenar kepada masyarakat atau ekonomi; dan
- iii. Mengeluarkan semua “bayaran pindahan” daripada analisis iaitu bayaran yang dibuat tanpa mendapat sebarang pulangan dalam bentuk barangan atau perkhidmatan, contohnya cukai, subsidi, dll.

2. Pada kebiasaannya harga input dan output tidak mempunyai nilai pasaran dan perkiraan harga alternatif yang ada pada nilai pasaran tersebut dinamakan harga bayangan atau *Shadow Pricing*. Adalah perlu untuk mewujudkan harga bayangan kerana harga pasaran mengalami herotan akibat wujudnya pasaran yang tidak sempurna atau kawalan yang menghalang pasaran bebas, contohnya pelesenan dagangan, kawalan harga dan subsidi, penetapan kuota import atau kuota eksport dll. Oleh itu, harga pasaran tidak mencerminkan kos melepasi sebenar sesuatu barangan dan perlu disesuaikan dengan menggunakan kaedah harga bayangan.

3. Dalam Analisis Ekonomi, input dan output dinilai pada kos melepasi yang ditakrifkan sebagai faedah yang terlepas apabila menggunakan sumber kepada sesuatu projek dan tidak

kepada sumber alternatif. Analisis ini juga memberi nilai kos yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan untuk mengimport barangan berkenaan atau apa faedah yang diterima oleh Kerajaan (sekiranya barangan itu dikeluarkan dalam negara) dengan mengeksport barang tersebut.

### Prinsip Utama dalam Mengira Harga Ekonomi

4. Semua input dan output projek diklasifikasikan kepada:
  - Barangan yang boleh diperdagangkan di peringkat antarabangsa (*tradables*). Contohnya beras, gula, mesin, sumber manusia terlatih dll;
  - Barangan yang tidak boleh diperdagangkan di peringkat antarabangsa (*non-tradables*). Contohnya kerja sivil, pembinaan, tenaga elektrik, pengangkutan, dll;
  - Sumber manusia tidak terlatih; dan
  - Tanah
  
5. Semua bayaran pindahan hendaklah dikeluarkan daripada harga atau kos unit barang berkenaan.
  
6. Bagi barangan yang boleh diperdagangkan, baki harga diperoleh dengan mengeluarkan elemen bayaran pindahan seperti cukai, subsidi, dll. Harga baki ini kemudiannya dipecahkan kepada komponen harga sempadan (*border price*) dan harga dalaman (*internal price*):
  - Komponen Harga Sempadan dimaksudkan sebagai harga yang dibayar apabila sesuatu barangan atau perkhidmatan yang dibawa masuk ke negara ini. Bagi barangan atau perkhidmatan yang diimport, dibayar dengan menggunakan harga CIF (*Cost, Insurance and Freight*) manakala untuk eksport dibayar dengan menggunakan harga FOB (*Free on Board*).
  - Komponen Harga Dalaman dimaksudkan sebagai harga pengendalian, pengangkutan, penyimpanan, pemprosesan bagi barangan tersebut dari pelabuhan

ke destinasi untuk import dan dari pusat penawaran ke pelabuhan untuk eksport. Komponen Harga Dalam adalah bahagian yang tidak boleh didagang dan harga ekonominya diperoleh dengan menukar harga pasaran menggunakan Faktor Penukaran Standard atau *Standard Conversion Factors* (SCF).

7. Bagi barangan yang boleh diperdagangkan, komponen harga sempadan dinilai kepada mata wang tempatan dengan menggunakan kadar pertukaran bayangan atau *Shadow Exchange Rate* (SER).

8. Bagi barangan yang tidak boleh diperdagangkan, ianya dibahagikan kepada komponen boleh dagang dan komponen tidak boleh dagang. Contohnya, bekalan elektrik memerlukan mesin yang diimport untuk menjana elektrik. Komponen boleh dagang dinilai dengan menggunakan harga sempadan manakala komponen tidak boleh dagang dinilai dengan menggunakan harga yang telah disesuaikan melalui SCF.

**Nota: *Shadow Exchange Rate (SER)* dan *Standard Conversion Factor (SEF)***

Terdapat dua keadah yang selalu digunakan untuk menukar akaun kewangan kepada akaun ekonomi untuk mengambil kira terlebih-nilai mata wang tempatan. Walaupun mata wang diperdagangkan di Malaysia mata wang tempatan adalah terlebih nilai berikutan kawalan dan akses kepada tukaran asing, tarif yang tinggi, kuota dan lesen untuk mengimport barangan asing. Justeru, kadar tukaran rasmi tidak mencerminkan nilai kekurangan sebenar pertukaran asing. Dengan demikian, dalam Analisis Ekonomi yang mana impak projek terhadap pendapatan Negara dititikberatkan kadar pertukaran perlu disesuaikan untuk mencerminkan kekurangan sebenar pertukaran asing. Memang mudah untuk mengandaikan bahawa individu yang ingin mendapatkan pertukaran asing sanggup membayar premium melebihi daripada kadar pertukaran rasmi (OER) untuk mengimport barangan. Ini terjadi apabila individu sanggup membayar tarif yang tinggi untuk memiliki kereta import.

Salah satu cara untuk menyesuaikan terlebih-nilai mata wang tempatan ialah dengan menaikkan OER dengan premium tukaran asing untuk mendapatkan *shadow exchange rate* (SER). Jika individu sanggup membayar 20% atau lebih daripada OER untuk membeli barangan import maka premium pertukaran mata wang asing ialah 20% dan OER akan dinaikkan sebanyak 20% peratus untuk mendapat SCF. Kesannya menjadikan barangan import lebih mahal atau nilai eksport lebih tinggi di samping menggalakkan penggunaan sumber dalaman dan tidak menggunakan pertukaran mata wang asing.

Walaupun SER digunakan untuk menyesuaikan terlebih-nilai mata wang tempatan dan membuat barangan boleh-dagang secara relatifnya lebih bernilai, penganalisis projek turut menggunakan pendekatan untuk menjadikan barangan dagang relatifnya lebih mahal berbanding barangan tidak boleh dagang. Tanpa menaikkan nilai barangan dagang, nilai barangan tidak boleh dagang dikurangkan dalam akaun projek. Pengurangan ini diperolehi dengan mendarab barangan tidak boleh dagang dalam akaun projek dengan satu faktor pertukaran. Perkiraan *Standard Conversion Factor (SCF)* adalah:

$$\text{Standard Conversion Factor (SCF)} = \frac{1}{1 + \text{Foreign Exchange Premium}}$$

Jika premium pertukaran mata wang asing ialah 20%, maka SCF ialah 1/1.2 atau 0.833. Jadi, nilai setiap barangan tidak boleh dagang akan didarab dengan 0.833 untuk mendapat nilai ekonomi. Ini adalah faktor pertukaran am yang umumnya digunakan bagi semua barang tetapi perkiraan faktor pertukaran spesifik masih boleh dibuat bagi kategori barangan am, umpamanya barang makanan atau susu segar. Faktor pertukaran ini dikira oleh ahli ekonomi di agensi perancangan pusat dan oleh itu, penganalisis projek di kementerian boleh mendapatkan faktor pertukaran ini daripada UPE, JPM.

### Sumber Manusia Tidak Terlatih

9. Sumber Manusia Tidak Terlatih dinilai pada kos melepasi iaitu nilai bersih ekonomi yang boleh dihasilkan jika mereka bekerja di tempat lain selain daripada projek tersebut. Kadar upah bayangan atau *Shadow Wage Rate* (SWR) ini biasanya lebih rendah daripada kadar upah pasaran. SWR akan bersamaan dengan kadar upah pasaran hanya apabila berlaku guna tenaga penuh dalam negara namun keadaan ini jarang berlaku di kebanyakan negara. Terdapat kes yang mana kadar pengangguran tinggi, SWR akan hampir dengan 0 tetapi tidak akan menjadi 0 kerana sentiasa ada kos melepasi untuk membuat kerja lain seperti berekreasi. Di kawasan luar bandar di kebanyakan negara membangun, sering terdapat *under-employment* dan bukannya pengangguran. Ini kerana banyak pekerjaan yang ditawarkan pada musim puncak menanam dan menuai, manakala buruh tidak aktif pada musim lain dalam tahun tersebut. Dalam keadaan begini, SWR perlu dikira dengan membahagikan jumlah pendapatan buruh yang diperoleh setahun dengan jumlah hari bekerja dalam tahun tersebut. Ini merupakan anggaran SWR atau kos melepasi bagi sumber manusia tidak terlatih.

### Tanah

10. Tanah merupakan barang tidak boleh dagang yang wajar dinilai dalam harga bayangan. Bagi tanah untuk industri, perumahan dan infrastruktur, harga pasaran bagi tanah tidak mencerminkan kos melepasi sebenar bagi tanah kerana wujudnya pasaran yang tidak sempurna. Bagi tanah pertanian dan luar bandar, nilai keselamatan dan pertimbangan emosi sering menjadikan harga tanah secara relatifnya lebih tinggi berbanding produktiviti dan seterusnya wujud kos melepasi. Oleh yang demikian, kaedah menganggar harga ekonomi tanah (kos melepasi) ialah dengan mengira nilai pengeluaran bersih yang melepasi apabila penggunaan tanah ditukar daripada kegunaan asal kepada kegunaan projek tersebut.